



7 Februari 2020

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

PUSPAKOM KINI TAWAR PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR

Kuala Lumpur, 7 Februari 2020 – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM) hari ini mengumumkan perlantikan sebagai Ejen Pemungut Hasil Kerajaan dalam mengendalikan urusan pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Seksyen 125 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Perkhidmatan ini akan dilaksanakan secara berperingkat, bermula dengan LKM untuk kenderaan perdagangan ringan BDM 7,500kg dan ke bawah.

Sejak 3 Februari 2020, pelanggan boleh memperbaharui LKM kategori tersebut di PUSPAKOM Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Perkhidmatan ini dijangka akan ditawarkan secara berperingkat di 54 pusat pemeriksaan PUSPAKOM dalam masa terdekat.

Majlis Pelancaran Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook di PUSPAKOM Wangsa Maju hari ini. Turut hadir adalah Ketua Pengarah JPJ, Dato' Sri Shaharuddin Khalid, ahli Lembaga Pengarah PUSPAKOM, Datuk Kamarudin Md Ali dan Shaharul Farez Hassan, serta Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

Perlaksanaan perkhidmatan adalah sebahagian usaha ke arah menjadikan PUSPAKOM sebuah pusat perkhidmatan setempat atau "One-Stop-Centre" yang membolehkan pelanggan dan orang awam membuat urusan berkaitan kenderaan termasuk pembaharuan LKM selain daripada pemeriksaan kenderaan. Perkhidmatan mesra Pelanggan sedia ada di PUSPAKOM ketika ini adalah pembaharuan Insurans kenderaan.

Ini merupakan pendekatan Kerajaan untuk memudahkan orang awam dalam segala urusan berkaitan perkhidmatan Kerajaan dengan JPJ. Urusan pembaharuan LKM di PUSPAKOM ini akan memberi pelanggan lebih pilihan lokasi untuk menguruskan permohonan pembaharuan LKM mereka, iaitu sama ada di JPJ mahupun di PUSPAKOM.



Pelaksanaan inisiatif ini mampu meningkatkan tahap perkhidmatan berkaitan urusan perkhidmatan Kerajaan terutamanya pemeriksaan kenderaan dan pembaharuan LKM kepada orang awam dalam memenuhi jangkaan pelanggan masa kini yang menuntut kemudahan perkhidmatan yang efisien, cepat dan cekap.

Dalam ucapannya, YB Loke berkata Kementerian bersetuju meluluskan pelaksanaan perkhidmatan pembaharuan LKM di PUSPAKOM kerana ia akan memberikan nilai tambah dan kemudahan kepada pelanggan PUSPAKOM dan orang awam secara amnya.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail yakin PUSPAKOM akan terus dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, bukan sahaja terhadap penyampaian perkhidmatan pemeriksaan kenderaan sedia ada malahan merangkumi perkhidmatan lain di bawah satu bumbung pusat perkhidmatan setempat "One-Stop-Centre" PUSPAKOM.

"Secara tidak langsung, perkhidmatan yang ditawarkan oleh PUSPAKOM dapat memberikan satu pengalaman yang menyeluruh kepada pelanggan di bawah satu bumbung, selain menjimatkan masa dan tenaga" katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927, e-mel customerservice@puspakom.com.my, mesej peribadi di Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau *Live Chat* melalui laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my

###

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322